Lengkapkan sinopsis di bawah dengan turutan nombor yang betul.

1 2 3 4 5 6 7 8 9 10

Mak Piah memberitahu "saya" (yang disangkanya Nana) bahawa dia tiada makanan. Banjir sudah ke paras dada.	
Setelah sihat "saya" ke rumah Mak Piah semula. Namun, "saya" terkejut kerana Mak Piah telah meninggal dunia.	
"Saya" menelefon semula Mak Piah. Setelah lama menunggu Mak Piah menjawab. Mak Piah memberitahu "saya" (yang disangkanya Nana) supaya menjaga anak dan suaminya baik-baik.	
Mak Piah menerangkan sebab dia tidak mahu berpindah. Mak Piah juga turut bercerita tentang anak-anaknya.	
Hujan sudah turun selama 4 hari 4 malam. "Saya" tertanya-tanya akan nasib Mak Piah.	
"Saya" hendak menelefon temannya tetapi tertekan nombor telefon rumah Mak Piah.	
Setelah pulang ke rumah "saya" demam selama 5 hari.	
"Saya" telah pergi ke rumah Mak Piah membawa makanan. Mak Piah menyambut "saya" dengan ceria.	
Belum sempat "saya" hendak memberitahu Mak Piah tentang dirinya yang sebenar, talian telefon sudah terputus.	
Mak Piah bertanya sama ada anaknya (Nana) yang menyuruh "saya" menghantar makanan itu. "Saya" mengiyakan pertanyaan Mak Piah.	

LIVEWORKSHEETS

LIVEWORKSHEETS